

Kata Hubung




- Kata hubung digunakan untuk menghubungkan **kata dengan kata**, **frasa dengan frasa**, dan **ayat dengan ayat**.
- Contoh: Datuk Lee Chong Wei gembira **kerana** menang dalam perlawanan badminton itu.

✓ Sistem Bahasa: Bahagian A

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- Vijay _____ Hakim berjumpa dengan Cikgu Hartini di bilik guru.
A dan C jika
B atau D tetapi
- Baju itu cantik _____ agak mahal harganya.
A yang C tetapi
B untuk D bahawa
- Rita telah kematian ayah _____ dia kecil lagi.
A dan
B sejak
C atau
D kecuali
- "Awak hendak makan nasi goreng _____ mi goreng?" tanya Salwa.
A lalu
B atau
C untuk
D ketika

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah ini.



- Nenek dan Kak Huda menganyam tikar _____ berbual-bual.
A dan C atau
B lalu D sambil
- Kita akan dihormati _____ disenangi oleh orang lain _____ kita berbudi bahasa.
A dan ... jika
B serta ... ketika
C dengan ... serta
D sekiranya ... lalu